



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

45/2025

SIARAN MEDIA

PENSIJILAN HALAL BERI NILAI TAMBAH KEPADA PMKS - EWON

SANDAKAN, 13 Julai – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick menggesa usahawan-usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mendapatkan pensijilan halal ke atas produk dan perkhidmatan masing-masing.

Beliau berkata, pensijilan halal boleh memberi nilai tambah kepada PMKS terutama bagi menembusi pasaran domestik dan antarabangsa.

“Usahawan-usahawan yang memiliki sijil halal ke atas produk atau perkhidmatan mereka mempunyai kelebihan dalam pasaran. Ini termasuk pasaran antarabangsa kerana sijil halal yang dikeluarkan di Malaysia diiktiraf oleh pasaran antarabangsa.

“Malah, KUSKOP bersama-sama dengan agensi-agensi seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), SME Corp. Malaysia dan SME Bank juga membawa usahawan-usahawan tempatan ke ekspo antarabangsa dengan kelebihan kepada mereka yang memiliki pensijilan halal,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Halal *Success* Program anjuran KUSKOP dan PERNAS di Kolej Komuniti Sandakan, di sini, hari ini.

Ewon turut menyatakan bahawa KUSKOP juga menyediakan geran pembangunan usahawan industri halal.

“Halal *Success* Program yang dilaksanakan di seluruh negara bertujuan memperkasa kesedaran pensijilan halal serta pembangunan produk dan perkhidmatan usahawan-usahawan yang bersedia untuk mendapat pensijilan.

“Saya berharap usahawan-usahawan Sabah tidak ketinggalan daripada mendapat manfaat melalui program ini,” katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
13 JULAI 2025